

Malaysia sokong penuh Timor-Leste ahli tetap ASEAN

Manfaat jawatan sebagai pengerusi blok serantau memudahkan, percepat proses

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Malaysia menyokong penuh penyertaan Timor-Leste sebagai anggota tetap ASEAN.

Beliau berkata, Malaysia berharap dapat mengalu-alukan penyertaan Timor-Leste sebagai anggota tetap tahun depan apabila ia memegang jawatan sebagai pengerusi blok serantau itu.

"Kami akan melakukan apa sahaja yang perlu untuk membantu Timor-Leste, supaya proses itu dapat dipermudah dan dipercepatkan lagi," katanya pada sidang media bersama rakan sejawatannya dari Timor-Leste, Kay Rala Xanana Gusmao, di sini, semalam.

Anwar berkata, sokongan penuh Malaysia terhadap perkara itu turut disampaikan kepada Xanana Gusmao, ketika mesyuarat dua hala, semalam.

Timor-Leste diiktiraf sebagai negara pemerhati ASEAN dan menyertai Forum Serantau ASEAN pada 2005 sebelum secara rasmi memohon keahlian pada 4 Mac 2011.

Timor-Leste juga diberi status pemerhati untuk mengambil bahagian dalam semua Mesyuarat ASEAN, termasuk sesi pleno.

Sementara itu, Xanana Gusmao merakamkan ucapan terima kasih atas komitmen Malaysia atas sokongan itu.

Beliau berkata, kerjasama antara kedua-dua negara, mengukuhkan komitmen bersama terhadap keamanan, kestabilan dan pembangunan di rantau ini.

"Bercakap mengenai keamanan, kestabilan dan pembangunan, kami turut menyuarakan kebimbangan terhadap penderitaan berterusan rakyat di Ukraine dan Gaza. Bersama-sama, kita akan melakukan segala-galanya untuk menyelesaikan masalah itu," katanya.

Beliau menekankan kepentingan dialog, toleransi dan pema-tuhan kepada undang-undang antarabangsa, sambil menyatakan semasa situasi di Ukraine sering dipertanyakan dari sudut undang-undang antarabangsa, na-



Sultan Ibrahim berkenan menerima menghadap Xanana Gusmao di Istana Negara, semalam. (Foto BERNAMA)



Anwar dan Xanana Gusmao pada sidang media bersama di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

sib rakyat Palestin di Gaza pula sering diabaikan.

Bantu industri halal

Dalam perkembangan lain, Malaysia juga menyatakan kesediaannya membantu Timor-Leste dalam membangunkan industri halalnya, membantu negara itu meneroka pasaran halal global yang bernilai lebih AS\$3 trilion.

Kerjasama itu bertujuan memanfaatkan potensi yang besar, menggalakkan pertumbuhan bersama dan mengukuhkan kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara.

"Dalam meningkatkan lagi dan mempelbagaikan kerjasama ekonomi, kedua-dua pemimpin menggalakkan agensi penggalakan perdagangan dan pelaburan Malaysia dan Timor-Leste untuk meneroka peluang perdagangan dan pelaburan di kedua-dua negara," katanya.

Malaysia merakamkan penghargaan tinggi kepada Timor-Leste atas pemberian sebidang tanah di Dili untuk mem-

bangunkan premis diplomatiknya.

Kedua-dua pemimpin juga bercakap mengenai menangani krisis yang semakin meruncing di Myanmar, mengukuhkan komitmen kepada Konsensus Lima Perkara Pemimpin ASEAN (5PC) sebagai rangka kerja panduan bagi menyelesaikan krisis politik di negara itu.

Mereka juga membincangkan beberapa isu serantau, khususnya perkembangan di Laut China Selatan, menekankan kepentingan dialog berterusan dan resolusi damai berdasarkan undang-undang antarabangsa, termasuk Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut (1982).

Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim juga berkenan menerima menghadap Xanana Gusmao selama kira-kira 30 minit di Istana Negara, semalam.

Terdahulu semalam, Xanana Gusmao, diberikan sambutan rasmi di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya. BERNAMA